

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI 1412 HIJRAH/1992 MASIHI

TEMPAT: RTM

TARIKH: 04 APR 1992

MASA:

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Allahu Akbar

Allahu Akbar

Allahu Akbar

Walillahilhamd

Syukur alhamdulillah, umat Islam di negara ini selamat menunaikan ibadat puasa dalam keadaan yang tenang dan sempurna. Selama sebulan kita bukan sahaja telah berjaya menahan lapar dan dahaga, tetapi tidak kurang pentingnya kita telah berjaya menahan nafsu dalam berbagai-bagai keadaan supaya kita menjadi insan yang lebih insaf, bertaqwa dan bersyukur. Di masa yang sama kita berjaya meneruskan tugas-tugas dan kerja-kerja harian kita yang mana ini tentulah memberikan lebih keinsafan tentang betapa ringannya kehidupan biasa kita berbanding dengan mereka yang terpaksa bekerja dalam kelaparan dan kehausan. Mereka yang berhenti bekerja dan tidak menjalankan perniagaan mereka supaya memudahkan puasa tidak akan tahu sepenuhnya tentang beratnya kehidupan orang yang terpaksa terus bekerja dalam kelaparan dan kehausan.

2. Ibadat puasa bukanlah semata-mata untuk mendapat pahala kerana tidak makan dan minum siang hari di bulan Ramadan. Puasa membantu membentuk peribadi yang mulia seperti bersabar, bertimbang rasa, tidak membazir dan berdisiplin. Berpuasa juga mengajar kita supaya sedar dan insaf terhadap penderitaan dan kesulitan yang dihadapi oleh orang miskin dan yang kurang bernasib baik. Dengan berpuasa kita dapat merasa sedikit betapa peritnya hidup dalam kelaparan dan kemiskinan. Di samping itu, kita diingatkan bahawa segala kemewahan, kesihatan dan kehidupan di dunia ini adalah untuk sementara sahaja, dan dengan menerima hakikat ini kita akan bertambah insaf, lebih bertimbang rasa dan lebih bersyukur. Masyarakat penyayang akan lebih mudah dibentuk dengan ibadat puasa ini.

3. Sepertimana lazimnya, Hari Raya Aidilfitri di negara ini disambut dengan meriah oleh kaum muslimin dan muslimat. Ini kerana Hari Raya menandakan kejayaan kita menguji ketabahan diri serta kemampuan kita melawan tekanan-tekanan nafsu. Dengan itu kita berhak dan harus menyambutnya dengan perasaan riang dan gembira. Tetapi kita hendaklah merayakan

hari ini dengan cara yang bersopan-santun, mengunjungi satu sama lain serta bermaaf-maafan. Hari Raya, seperti juga berpuasa, mempunyai hikmah dan keistimewaannya sendiri. Antaranya ialah budaya kunjung-mengunjungi di Hari Raya yang menyumbang kepada keharmonian dan kestabilan yang kita nikmati di negara ini.

4. Sempena Hari Raya ini marilah kita banyak bersyukur ke hadrat Ilahi kerana limpah nikmat dan rezeki yang di curahkanNya kepada kita semua. Kita telah berjaya mencapai pembangunan yang pesat di dalam berbagai-bagai bidang di samping menikmati kestabilan politik dan kemajuan ekonomi. Semua ini tidak mungkin wujud kalau tidak kerana keazaman dan kegigihan rakyat yang mahukan keamanan dan kesejahteraan. Marilah kita kekalkan keadaan harmonis ini dan elakkan diri daripada berkonflik supaya keamanan yang dituntut oleh agama Islam terus terpelihara.

5. Mengenai ekonomi, kita telah berjaya mencapai kadar pertumbuhan yang menggalakkan. Inflasi dan pengangguran pula dapat dikawal. Keadaan ekonomi yang baik ini membolehkan rakyat Malaysia menikmati taraf hidup yang tinggi. Kedudukan kewangan negara yang kukuh juga telah membolehkan kakitangan Kerajaan menikmati gaji baru. Kita yakin jika rakyat Malaysia terus berusaha bersungguh-sungguh serta meningkatkan lagi produktiviti dan berani menghadapi segala cabaran, negara akan terus mencapai kemajuan yang lebih pesat dan kita semua akan mendapat nikmat yang bertambah. Kerajaan telahpun melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Rancangan Malaysia Keenam (RM6) demi untuk membangunkan lagi negara. Melalui penggunaan teknologi baru, peningkatan kemahiran pekerja-pekerja serta penambahan dan pemulihan infrastruktur, kita yakin negara kita akan terus membangun dengan pesat. Namun yang terpenting sekali ialah pengetahuan, ketekunan dan disiplin rakyat. Negara yang sudah maju sekalipun akan runtuh jika rakyat kehilangan moral dan tidak dapat mengawal diri.

6. Kita di Malaysia sungguh bertuah jika dibandingkan dengan rakyat negara-negara lain. Biasanya rakyat Malaysia tidak tahu akan betapa baiknya kehidupan mereka di negara ini sehinggalah mereka membaca dalam suratkhobar atau melihat melalui kaca televisyen atau melihat sendiri keadaan di negara-negara lain. Nasib rakyat di negara-negara membangun seperti di Afrika, Amerika Latin dan negara-negara di Eropah Timur adalah sangat memilukan. Kemudahan-kemudahan paling asas seperti air dan elektrik, yang kita anggap perkara biasa sahaja, hampir tidak wujud. Di sesetengah negara majupun, kehidupan rakyatnya tidaklah sebegitu bahagia seperti yang digambarkan. Ada rakyatnya yang tidak mempunyai tempat tinggal dan makan minum mereka ditanggung oleh rumah-rumah kebajikan. Di sesetengah negara pula orang Islam ditindas sehingga tidak dapat mengerjakan ibadah.

7. Dalam dunia yang serba moden dan kompetitif ini, umat Islam hendaklah melipat-gandakan usaha untuk maju dalam

semua bidang selaras dengan kemajuan dunia hari ini. Kita tidak mahu melihat umat Islam ketinggalan kerana kononnya mengejar kebahagiaan di akhirat. Masyarakat Islam juga tidak harus bersikap fanatik dengan membelakangkan pemikiran yang waras. Islam tidak menyuruh kita mencipta, menambah dan mewajibkan berbagai-bagai "ibadat" baru sehingga memudaratkan kita. Jika majoriti orang Islam meninggalkan kerja biasa mereka untuk melakukan "ibadat" ciptaan ini, mereka akan menjadi miskin dan daif dan orang seperti ini mudah diperalat dan ditindas oleh orang lain. Walaupun hanya sekumpulan kecil sahaja yang membuat perkara ini, beban kepada orang Islam lain akan bertambah. Sebaliknya orang Islam lain pula tidak mampu memikul beban tambahan.

8. Umat Islam dan negara Islam tidak kurang kemampuan untuk mencapai kemajuan yang tinggi. Persoalannya hanyalah sikap kita. Umat Islam perlu mengubah sikap untuk bekerja dengan lebih kuat, menguasai semua ilmu, meninggikan produktiviti dan mengejar kebahagiaan di dunia bersama dan seimbang dengan mengejar kebahagiaan di akhirat. Untuk maju kita perlu mengembalikan semangat menimba ilmu dalam semua bidang. Ini juga adalah selaras dengan cita-cita kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Ibadat yang diwajibkan tidak perlu dicicirkan kerana mengejar kemajuan di dunia. Kedua-duanya boleh dikejar bersama.

9. Dalam kita menyambut Hari Raya ini janganlah kita lupa akan anggota-anggota pasukan keselamatan dan pekerja-pekerja di jabatan-jabatan tertentu yang terpaksa menjalankan tugas-tugas mereka pada hari yang mulia ini. Khususnya kita harus ingat akan pasukan keselamatan kita yang sekarang bertugas di beberapa buah negara lain untuk menjaga keamanan. Mereka membawa kemuliaan dan kehormatan kepada kita dan negara kita. Pengorbanan mereka hendaklah kita hargai sepenuhnya.

10. Saya ingin merayu kepada mereka yang menggunakan jalan raya supaya berhati-hati. Lebih daripada sembilan puluh peratus kemalangan jalanraya disebabkan oleh kesilapan pemandu. Kita boleh mengelak daripada berlakunya kemalangan dengan memandu dengan cermat serta bersabar sedikit. Amatlah menyedihkan apabila pada hari perayaan, kita mendengar kematian yang begitu ramai di kalangan pengguna-pengguna jalanraya. Justeru itu berjaga-jagalah ketika berada di jalanraya. Janganlah kerana ingin sampai lima belas atau dua puluh minit lebih awal, akibatnya kita dan keluarga menemui maut. Biarlah lambat sedikit, asalkan kita boleh berhariraya dengan sanak saudara dan kemudian balik bekerja. Saya berdoa semoga semua pemandu kenderaan di musim Hari Raya ini akan bersabar, cermat dan berhati-hati apabila memandu.

11. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua muslimin dan muslimat, semoga kita semua mendapat taufik dan hidayat daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Saya juga berharap semoga kaum bukan Islam akan memeriahkan Hari Raya ini dengan mengunjungi

rakan-rakan Islam mereka kerana ini akan mengeratkan lagi persahabatan dan persefahaman sesama kita dan dengan ini mengekalkan keamanan negara.

12. Akhir kata, saya serta keluarga saya memohon maaf, zahir dan batin, atas apa jua kesilapan yang mungkin telah kami lakukan. Selamat Hari Raya Aidilfitri.
Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.
Allahu Akbar
Allahu Akbar
Allahu Akbar
Walillahilhamd.